MODUL PENTAKSIRAN PDPC PAHANG SEMESTER 3 MODUL PENTAKSIRAN PDPC PAHANG SEMESTER 3

944/3 **STPM 2024**

EKONOMI

KERTAS 3

Satu jam

MODUL PENTAKSIRAN PDPC

SEMESTER 3

NEGERI PAHANG

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **lima** *soalan sahaja dalam Bahagian A. Anda boleh menjawab semua soalan, tetapi hanya lima jawapan yang pertama akan diperiksa.*

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam Bahagian B. Anda boleh menjawab semua soalan, tetapi hanya satu jawapan yang pertama akan diperiksa.*

Tulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian baharu jawapan.

Tunjukkan semua penghitungan dan bundarkan jawapan anda betul sehingga dua tempat perpuluhan.

3. Malaysia telah mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM231.8 bilion pada November 2023 dengan nilai eksport dan nilai import masing-masing sebanyak RM122.1 bilion dan RM 109.7 bilion. Namum demikian, prestasi eksport Malaysia telah susut tetapi import telah meningkat dalam tempoh masa yang sama. Peningkatan import mencerminkan citarasa rakyat Malaysia yang semakin mengemari barang import.

(a) (i) Berdasarkan kenyataan di atas, nyatakan kesan terhadap imbangan dagangan. [1]

(ii) *"Peningkatan import mencerminkan citarasa rakyat Malaysia yang semakin mengemari barang import."* Huraikan **dua** kesan negatif perdagangan tersebut kepada ekonomi sesebuah negara. [4]

(b) Nyatakan **satu** dasar perlindungan yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal import. [1]

4. (a) Dengan memberikan contoh, jelaskan secara ringkas bagaimana program kerajaan berikut memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia:

(i) Program rantaian industri [2]
(ii) Program peningkatan Kemahiran [2]

(b) Nyatakan agensi kerajaan yang membantu usahawan PKS dari aspek yang berikut:

(i) menyediakan tempat dan maklumat pemasaran [1]
(ii) memberikan khidmat nasihat perniagaan [1]

5. Jelaskan **tiga** masalah peniaga untuk mendapatkan kredit daripada institusi kewangan. [6]

6. (a) 'Kaedah Pekali Gini merupakan satu ukuran pemusatan pendapatan yang mempunyai nilai antara 0 hingga 1.' Jelaskan. [2]

(b) Nyatakan dasar membasmi kemiskinan berdasarkan strategi yang berikut:

(i) Membasmi kemiskinan kelompok miskin di kawasan terpencil, orang asli dan kelompok minoriti di Sabah dan Sarawak. [1]

(ii) Membina sebuah masyarakat maju yang berasaskan sains dan teknologi moden. [1]

(iii) Menyusun semula masyarakat dengan merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum. [1]

(iv) Menekankan pendidikan dan latihan untuk belia di luar bandar supaya mereka dapat bekerja di sektor yang berpendapatan tinggi. [1]

Bahagian B [10 *markah*]

Jawab **satu** *soalan sahaja*.

7. Jadual di bawah menunjukkan data akaun semasa Malaysia pada tahun 2019 dan 2020.

Butiran	*RM juta*	
	Tahun 2019	Tahun 2020
Eksport	817 260	780 511
Import	692 522	643 024
Pengangkutan	-25 925	-27 427
Perjalanan	30 833	-7 569
Perkhidmatan insurans dan pencen	-8 218	-7 628
Perkhidmatan perniagaan lain	-3 576	-2 496
Pendapatan primer (bersih)	-39 496	-28 520
Pendapatan sekunder (bersih)	-21 450	-2 714

(Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia)

(a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *pendapatan primer*? [1]

(ii)Nyatakan sebab butiran *pendapatan primer* bernilai negatif. [1]

(b) Hitung imbangan akaun dagangan pada tahun 2019 dan 2020 dan huraikan arah alirannya. [3]

(c) Hitung imbangan akaun perkhimatan pada tahun 2020. [2]

(d) (i) Hitung imbangan akaun semasa pada tahun 2020. [2]

(ii)Berdasarkan jawapan di (c)(i), jelaskan keadaan imbangan akaun semasa. [1]

8. Jadual di bawah menunjukkan taraf sah PKS bagi tahun rujukan 2003 dan 2010.

Taraf Sah	*Bilangan Pertubuhan*	
	Bancian Pertubuhan dan Enterpris 2005 (Tahun Rujukan 2003)	Bancian Ekonomi 2011 (Tahun Rujukan 2010)
Hak milik perseorangan	375 192	458 269
Perkongsian	53 241	54 938
Syarikat Berhad	116 650	118 678
Lain -lain	3 184	13 251

(Sumber: Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005 dan Banci Ekonomi 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia)

(a) (i) Hitung jumlah pertubuhan PKS bagi tahun 2003 dan tahun 2010. [3]

(ii) Hitung kadar pertumbuhan PKS bagi tahun 2010. [2]

(b) (i) Hitung peratus taraf sah PKS daripada jumlah pertubuhan bagi *perkongsian* dan *syarikat berhad* bagi tahun 2010. [3]

(ii) Berdasarkan jawapan anda di (b)(i), rumuskan jawapan anda. [1]

(c) Berdasarkan jadual di atas, nyatakan taraf sah PKS yang merupakan pertubuhan utama dalam PKS bagi tahun 2003 dan tahun 2010. [1]

Modul Pentaksiran PdPc Negeri Pahang
Skema Jawapan dan Pemarkahan Ekonomi Semester 3 2024

Soalan 1

(a) pengangguran bermusim [1]
(b) pengangguran teknologi [1]
(c) pengangguran tak ketara / tersembunyi [1]
(d) pengangguran kitaran [1]
(e) pengangguran struktur [1]
(f) pengangguran geseran [1]

***jawapan salah ejaan, 0 markah*
***jawapan tanpa 'pengangguran', 0 markah*

Soalan 2

(a) inflasi tolakan kos [1]
inflasi diimport [1]

***jawapan salah ejaan, 0 markah*
***jawapan tanpa 'inflasi', 0 markah*

(b) tabungan menurun/berkurang [1]
kuasa beli / pendapatan benar menurun/merosot/berkurang [1]
kos sara hidup meningkat [1]
taraf hidup menurun/merosot/berkurang [1]

***Mana-mana satu, setiap satu 1 markah*

(c) Semasa inflasi, kerajaan akan melaksanakan **dasar kewangan menguncup** [1]
iaitu **mengurangkan penawaran wang** menyebabkan **kadar bunga meningkat**, [1]
perbelanjaan agregat/permintaaan agregat menurun, tingkat harga menurun dan inflasi dapat dikawal. [1]

Soalan 3

(a) (i) Imbangan dagangan **bertambah buruk.** [1]

(ii) Kesan negatif terhadap ekonomi negara

- F: Persaingan kepada industri muda/industri tempatan
  H: Industri muda kurang berdaya saing berbanding industri firma asing dari segi kualiti, harga dan kos pengeluaran yang tinggi.

- F: Pendapatan negara terjejas
  H: Jika dunia menghadapi krisis ekonomi/ krisis kewangan, maka permintaan eksport dan pendapatan negara akan terjejas.

- F: mewujudkan inflasi diimport
  H: Negara terdedah kepada masalah inflasi diimport apabila mengimport barang perantaraan / barang modal dari negara asing yang mengalami inflasi.

- F: Masalah lambakan
  H: Masalah lambakan berlaku apabila barang import yang lebih murah membanjiri pasaran tempatan. Kesannya, permintaan barang tempatan menurun dan menjejaskan perkembangan industri tempatan

- F: Memburukkan imbangan pembayaran
  H: Imbangan pembayaran menjadi bertambah buruk jika import berlebihan/ import melebihi eksport.

** *Mana-mana dua di atas, Fakta 1 markah, huraian 1 markah*

(b) tarif / kuota / embargo / kawalan pertukaran asing [1]

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta